KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN
# PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## JUMAAT, 30 JUN 2023

## LAPORAN HARIAN

Media Monitoring Report Prepared by:
*World Communications*

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



30/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **SENGSARA 20 MINIT LENGAN TERSEPIT MESIN PENGULI** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/06/1120518/sengsara-20-minit-lengan-tersepit-mesin-penguli | BHARIAN.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/06/29/tangan-kanak-kanak-tersepit-20-minit-dalam-mesin-penguli-roti/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/06/29/tangan-kanak-kanak-4-tahun-tersepit-pada-mesin-roti/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://malaysiapost.com.my/2023/06/29/tangan-kanak-kanak-tersepit-mesin-penguli-roti/ | MALAYSIAPOST.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/06/29/lengan-budak-perempuan-tersepit-mesin-penguli-roti/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **BERGADUH REBUT TEMAN WANITA** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/982634/bergaduh-rebut-teman-wanita | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=VrP8aLArwaE | YOUTUBE |
| | https://malaysiagazette.com/2023/06/29/lelaki-bergaduh-berebut-teman-wanita-di-jalan-raya/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.youtube.com/watch?v=6y-xVfYD6-s | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **FATIMAH: TEMPORARY TRANSIT CENTRE FOR HOMELESS IN KUCHING READY IN NEXT 4 MONTHS** | |
| | https://www.theborneopost.com/2023/06/29/fatimah-temporary-transit-centre-for-homeless-in-kuching-ready-in-next-4-months/ | THEBORNEOPOST.COM |
| | https://tvstv.my/2023/06/29/146-penghuni-pelbagai-rumah-kebajikan-di-kuching-terima-daging-korban/ | TVSTV.MY |

30/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **KOMPAUN WANITA BUKAN ISLAM, PAS PATUT BELAJAR DENGAN ARAB SAUDI** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/kompaun-wanita-bukan-islam-pas-patut-belajar-dengan-arab-saudi/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/06/29/jangan-biarkan-insiden-kompaun-wanita-bukan-islam-berulang-king-sing/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **TUBUH PASUKAN KHAS BENDUNG SINDIKET JUAL BAYI** | |
| | https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2023/06/tubuh-pasukan-khas-bendung-sindiket-jual-bayi/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **FATIMAH: SEDIDIK YOUNG SAVER PROGRAMME NOW HAS RM63,571 IN SAVINGS** | |
| | https://www.theborneopost.com/2023/06/29/fatimah-sedidik-young-saver-programme-now-has-rm63571-in-savings/ | THEBORNEOPOST.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **MSU LANCAR INISIATIF KESUKARELAWAN, BANTU KELUARGA B40** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2023/06/1120422/msu-lancar-inisiatif-kesukarelawan-bantu-keluarga-b40 | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **ROSE SHEROX MASIH TERINGIN HIBURKAN PEMINAT WALAUPUN TIDAK SIHAT** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-hiburan/rose-sherox-masih-teringin-hiburkan-peminat-walaupun-tidak-sihat-426007 | ASTROAWANI.COM |

30/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **IBU TUNGGAL TABAH JAGA DUA ANAK OKU** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/265831/edisi/selangor-kl/ibu-tunggal-tabah-jaga-dua-anak-oku | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 10 | **BELAJAR CARA PERTAHANKAN DIRI, ELAK JADI MANGSA JENAYAH** | |
| | https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2023/06/1120309/belajar-cara-pertahankan-diri-elak-jadi-mangsa-jenayah | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 11 | **AKE PECAH REKOD PERHIMPUNAN SUKAN KANAK-KANAK TERBESAR** | |
| | https://www.bharian.com.my/bisnes/usahawan/2023/06/1120389/ake-pecah-rekod-perhimpunan-sukan-kanak-kanak-terbesar | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 12 | **DUA TERMASUK KANAK-KANAK HILANG KETIKA MEMBURU DI LADANG** | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/06/29/dua-termasuk-kanak-kanak-hilang-ketika-memburu-di-ladang | UTUSANBORNEO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 13 | **BICARA GANGGUAN SEKSUAL TERHADAP FIRMA GUAMAN DITETAPKAN NOV INI** | |
| | https://www.malaysiakini.com/news/670331 | MALAYSIAKINI.COM |

30/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 14 | **KEADAAN KANAK-KANAK TERAMBIL DADAH SEMAKIN PULIH** | |
| | https://www.melakahariini.my/keadaan-kanak-kanak-terambil-dadah-semakin-pulih/ | MELAKAHARIINI.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 15 | **TULAR NANGIS KERANA ADIK OKU DIEJEK, JEP DAN RAHIM TUNAI IMPIAN CHENTA BELI 'STROLLER'** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-hiburan/tular-nangis-kerana-adik-oku-diejek-jep-dan-rahim-tunai-impian-chenta-beli-stroller-425991 | ASTROAWANI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 16 | **SAYANG CHENTA BUAT MUHAMMAD AQIL** | |
| | https://www.hmetro.com.my/utama/2023/06/982723/sayang-chenta-buat-muhammad-aqil | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 17 | **'MAMA, HASAN RINDU AYAH'** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/265845/berita/nasional/mama-hasan-rindu-ayah | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 18 | **POLIS SELANGOR DIBERI TAKLIMAT URUS KES KEGANASAN RUMAH TANGGA** | |
| | https://selangorkini.my/2023/06/polis-selangor-diberi-taklimat-urus-kes-keganasan-rumah-tangga/ | SELANGORKINI.MY |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'TIADA RAYA TAHUN INI TANPA SUAMI, ANAK' | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 30 JUN 2023 | M/SURAT | : | 18 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# 'Tiada raya tahun ini tanpa suami, anak'

## Mangsa beritahu mahu rehat, tidur di Rompin sebelum terbabit kemalangan

Oleh Zaid Salim
bhnews@bharian.com.my

**Kuala Terengganu:** "Tidak ada raya tahun ini," begitu jawapan ringkas diluahkan balu Allahyarham Azirul Azeem Mazri, 30, yang maut bersama bayi lelaki mereka Muhammad Adhwa berusia 10 bulan selepas terbabit kemalangan jam 1.15 pagi semalam.

Farah Nasuha Johari, 30, berkata demikian selepas ditanya mengenai sambutan Aidiladha selepas ketiadaan dua insan tersayang yang pergi meninggalkannya buat selama-lamanya.

Farah yang bekerja sebagai guru di Pasir Gudang, Johor tidak mampu berkongsi cerita, berikutan masih sebak ketika majlis pengebumian dua insan tersayang di Tanah Perkuburan Islam Kampung Teluk Menara, di sini.

"Saya minta maaf," katanya.

Jenazah dua beranak itu selamat dikebumikan dalam satu liang di tanah perkuburan berkenaan jam 11 malam kelmarin.

Terdahulu, jenazah dua beranak terbabit yang tiba dari Hospital Rompin, Pahang sebelum maghrib dan disembahyangkan di rumah keluarganya sebelum dibawa ke tanah perkuburan kira-kira jam 10 malam.

### Mangsa jemput isteri

Abang Allahyarham Azirul Azeem, Muhammad Azmin, 34, berkata, ketika kejadian, arwah adik dalam perjalanan pulang ke kampung selepas menjemput isterinya yang bekerja di Pasir Gudang.


Bapa, bayi maut kereta rempuh treler

Keratan akhbar BH semalam.

"Ketika kejadian, saya dalam perjalanan bersama keluarga untuk pulang bercuti Aidiladha di kampung isteri di Negeri Sembilan.

"Sebaik tiba di sebuah stesen minyak di Muadzam Shah, kira-kira jam 2.20 pagi, saya menerima panggilan daripada adik-beradik memberitahu, Azeem kemalangan dan nazak.

"Tidak lama kemudian, saya menerima semula panggilan memberitahu Azeem meninggal dunia bersama anaknya manakala isterinya terselamat.


Farah Nasuha menyiram pusara suami dan anaknya di Tanah Perkuburan Islam Kampung Teluk Menara, Manir. (Foto Zaid Salim/BH)

"Saya kemudian membatalkan perjalanan balik ke Negeri Sembilan sebelum ke Hospital Rompin," katanya bagi menguruskan mayat adik beserta bayinya.

Muhammad Azmin berkata, Farah ada memberitahunya, arwah suami bercadang untuk berehat dan tidur di Rompin sebelum meneruskan perjalanan.

"Difahamkan mereka bertolak dari Pasir Gudang jam 10 malam (Selasa) sebelum terbabit kemalangan jam 1.45 pagi tadi (Rabu)," katanya yang menjalankan perniagaan bersama arwah adik.

Kata-kata arwah itu bagaikan petanda apabila dua beranak terbabit 'tidur' buat selama-lamanya selepas terbabit kemalangan di Rompin.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | ELAK GAJET HAKIS BAHASA FORMAL KANAK-KANAK | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 30 JUN 2023 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Elak gajet hakis bahasa formal kanak-kanak

Mohd Izzat Aidil Haimin,
Universiti Pendidikan Sultan Idris

**Ramai** orang memperkatakan mengenai kesan penggunaan gajet terhadap kanak-kanak dengan memfokuskan mengenai isu ketagihan, mental dan psikologi.

Namun, sebahagiannya mungkin terlepas pandang mengenai dapatan penyelidikan yang turut menekankan mengenai impak signifikan terhadap penggunaan bahasa kebangsaan.

Penggunaan gajet seperti telefon pintar, tablet, atau komputer hari ini sudah menjadi sebahagian kehidupan tanpa mengira usia. Ia memberikan akses mudah kepada pelbagai jenis informasi dalam bermacam-macam bahasa dan budaya. Bagi golongan kanak-kanak ia adakala dilihat sebagai jalan keluar untuk mengisi masa sewaktu ibu bapa sibuk dengan pelbagai urusan.

Namun, tanpa sedar antara bahana penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak ia mampu menghakis kemampuan mereka berbahasa dengan formal. Sebaliknya mereka lebih cenderung menggunakan bahasa pasar, rojak atau slanga.

Ketagihan seperti bermain permainan video yang terdapat dalam gajet menyumbang kepada penggunaan bahasa asing dalam kalangan kanak-kanak, sekali gus mempengaruhi pertuturan seharian mereka.

Mana tidaknya, jika mereka kerap bermain permainan video dalam talian, secara umum bahasa yang digunakan sepanjang sesi itu adalah bahasa Inggeris. Jika di Asia Tenggara, rata-ratanya gemar menggunakan bahasa Indonesia.

## Jejas kemahiran berbahasa

Meskipun kita tidak menolak hal sedemikian turut membantu dalam memperluaskan penguasaan bahasa asing, tanpa panduan ibu bapa ia sebenarnya berpotensi mengurangkan kemahiran berbahasa kebangsaan. Malah, dalam sesetengah kes turut mempengaruhi kemahiran bertutur serta menulis malah membaca. Hal ini tentu sahaja akan memberi kesan kepada pencapaian akademik mereka.

Bagaimanapun, bukan bermakna penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak tiada manfaat. Penggunaan gajet boleh memberikan akses kepada pelbagai jenis sumber bahan bacaan dan pengajaran dalam bahasa kebangsaan dan asing, ia juga boleh meningkatkan kemahiran teknologi dan pemikiran kreatif.

Namun, amat penting bagi ibu bapa dan pengajar untuk memantau penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak. Mereka juga seharusnya memastikan anak diajar dengan penggunaan bahasa yang betul dan tepat, selain mendedahkan mereka dengan sumber bahan bacaan serta pengajaran yang sesuai dalam bahasa kebangsaan dan asing.

Jangan biar anak leka dalam dunia gajet semata-mata, sebaliknya dedahkan mereka mengenai bahasa formal dan rasmi yang digunakan dalam kehidupan sehari-hari. Hal ini tentu sahaja sangat penting kerana penggunaan bahasa yang tidak tepat boleh membawa pelbagai makna dan citra kepada sikap penuturnya.



| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | JOHOR TAWAR RUMAH GANTI KEPADA 165 KELUARGA | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 30 JUN 2023 | M/SURAT | : | 19 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Johor tawar rumah ganti kepada 165 keluarga



Sebahagian penduduk meminta kerajaan negeri menimbang untuk membenarkan mereka tinggal di Kampung Hajah Hasnah. (Foto Mary Victoria Dass/BH)

## Penduduk Kampung Hajah Hasnah terima notis perobohan unit kediaman

**Johor Bahru:** Kerajaan Johor sedang berusaha menyelesaikan masalah penempatan bagi 165 keluarga di Kampung Hajah Hasnah di sini, selepas mereka menerima notis perobohan unit kediaman dan diarahkan berpindah serta mengosongkan rumah didiami.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Mohd Jafni Md Shukor, berkata semua ketua isi rumah (KIR) berkenaan dikenal pasti layak dan dalam proses penawaran rumah ganti.



Mohd Jafni Md Shukor

"Sebahagian daripada 165 keluarga ini adalah penyewa dan bukan penduduk asal Kampung Hajah Hasnah. Bagaimanapun, kerajaan negeri sedang berusaha menyelesaikan masalah ini supaya tidak ada rakyat Johor hilang tempat berteduh tanpa dibela nasibnya," katanya dalam kenyataan, semalam.

Selasa lalu, media melaporkan kira-kira 100 keluarga di kampung itu buntu selepas diarahkan pejabat tanah untuk berpindah dan mengosongkan rumah masing-masing dalam masa terdekat bagi memberi laluan kepada projek pembangunan.

Mohd Jafni berkata, 165 keluarga itu adalah sebahagian daripada 253 KIR di Kampung Hajah Hasnah yang menerima notis, dengan baki 54 keluarga sudah mempunyai pemilikan Pangsapuri Lebuh Raya Penyuraian Timur (EDL) di sini, manakala 34 keluarga pula sudah memiliki hartanah di tempat lain, penduduk tetap dan bukan warganegara.

Beliau berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 22 unit rumah usang yang tidak berpenghuni atau sudah dikosongkan dirobohkan pada Isnin lalu.

### Bela nasib rakyat

Katanya, Kampung Hajah Hasnah di mukim Plentong itu antara kawasan setinggan di negeri ini dan sejak 2008, penduduk asal kampung itu ditawarkan 2,720 unit rumah di Pangsapuri EDL.

"Semua penduduk asal berpindah ke Pangsapuri EDL, namun atas sebab unit rumah tidak dirobohkan, segelintir penduduk asal yang ditawarkan rumah kemudian menyewakan rumah setinggan mereka kepada orang lain atau menyerahkan rumah untuk diduduki waris atau ahli keluarga lain," katanya.

Beliau berkata, operasi penguatkuasaan itu antara usaha kerajaan negeri membela nasib rakyat supaya boleh hidup dalam persekitaran lebih bersih dan terhindar daripada kawasan bencana.

"Kampung ini terletak di atas tanah rizab sungai yang jaraknya hanya 50 meter dari sungai. Ia menyebabkan kampung ini kerap terbabit banjir, sekali gus memberi kesan kepada penduduk.

"Selain itu, atas sebab berstatus setinggan, mereka tidak mempunyai sistem pengurusan kumbahan dan kebersihan yang efisien," katanya.

Mohd Jafni berkata, penguatkuasaan bersepadu itu membabitkan pelbagai agensi, termasuk pejabat daerah, pejabat tanah serta Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan operasi penguatkuasaan dilaksanakan secara berperingkat berdasarkan keadaan setiap unit yang terbabit. BERNAMA

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'TAK SABAR NAK BALIK PELUK ANAK' | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 30 JUN 2023 | M/SURAT | : | 09 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |



PENGHUNI Penjara Pokok Sena yang dibebaskan menganggap ia ibarat peluang kedua untuk mereka dapat menyambut Aidiladha bersama keluarga.

# 'Tak sabar nak balik peluk anak'

***Pembebasan awal 19 banduan rahmat berharga hari raya***

Oleh Zuliaty Zulkiffli
am@hmetro.com.my

**Pokok Sena**

"Saya tak sabar mahu pulang...nak peluk erat anak dan beraya bersama mereka," kata banduan Penjara Pokok Sena dikenali Appy, 40.

Dia antara antara 19 banduan dibenarkan keluar awal menerusi program Pembebasan Banduan Berlesen (OBB) Madani, kelmarin sempena Aidiladha.

Appy berkata, hukuman penjara dijalani sejak awal tahun akibat kesalahan dadah mengubah dirinya menjadi insan lebih baik.

Katanya, dia sepatutnya dibebaskan pada 13 Ogos dan sangat bersyukur apabila diberi pembebasan awal.




PENGHUNI Penjara Pokok Sena yang dibebaskan melalui program Pembebasan Banduan Berlesen (OBB) Madani.

"Ini hukuman penjara pertama dan saya sangat gembira apabila keluarga dapat memaafkan saya serta berjanji membina masa depan lebih baik.

"Saya tidak mahu mensia-siakan peluang pekerjaan diberi kepada saya melalui program ini. Saya mahu jadi orang baharu," katanya yang memberitahu banyak mendekatkan diri dengan agama ketika di penjara.

Banduan lain dikenali Ayim, 29, pula berkata, isteri yang seusia dengannya dan anak lelaki, 4, tidak sabar menanti kepulangan di rumah.

Menurutnya, dia sangat menyesal dengan kesilapan lalu dan berjanji tidak mengulangi jenayah terutama berkaitan dadah selepas ini.

Sementara itu, Pengarah Penjara Kedah, Abdul Kadir Jailani Ismail berkata, semua 19 banduan yang dibebaskan dipantau rapi Jabatan Penjara.

"Mereka terpilih kerana menunjukkan tingkah laku baik dan mematuhi program pemulihan sewaktu berada di penjara," katanya.




> "Mereka terpilih kerana tunjukkan tingkah laku baik di penjara
> Abdul Kadir

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'TIADA ADA RAYA AIDILADHA TAHUN INI' | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 30 JUN 2023 | M/SURAT : | 04 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |



FARAH Nasuha ketika menyiram air mawar di pusara suami dan bayinya di Tanah Perkuburan Islam Kampung Teluk Menara, Manir. - Gambar NSTP/ZAID SALIM

# 'Tidak ada raya Aidiladha tahun ni'

**Kuala Terengganu:** "Tidak ada raya (Aidiladha) tahun ni," begitu jawapan ringkas diluahkan Farah Nasuha Johari, 30, yang kehilangan suami dan anak lelaki dalam kemalangan di Kilometer 145, 145 Jalan Kuantan-Johor Bahru, Rompin, kelmarin.

Dalam kejadian jam 1.15 pagi, Allahyarham Azirul Azeem Mazri, 30, maut bersama bayi lelakinya, Muhammad Adhwa, 10 bulan apabila kereta Perodua Myvi dinaiki bertembung dengan sebuah treler.

Kejadian berlaku ketika mereka dalam perjalanan pulang dari Johor Bahru ke Kuala Terengganu.

Farah yang bertugas sebagai guru di Pasir Gudang, Johor tidak mampu berkongsi cerita berikutan masih sebak dan menitiskan air mata sepanjang proses pengebumian dua insan tersayang di Tanah Perkuburan Islam Kampung Teluk Menara di sini. "Saya minta maaf," katanya.

Jenazah dua beranak itu selamat dikebumikan dalam satu liang di tanah perkuburan berkenaan jam 11 malam kelmarin.

Terdahulu, jenazah dua beranak terbabit yang tiba dari Hospital Rompin, Pahang sebelum Maghrib, disembahyangkan di rumah keluarganya.

Abang Allahyarham, Muhammad Azmin, 34, berkata ketika kejadian, arwah adiknya dalam perjalanan pulang ke kampung selepas menjemput isterinya yang bekerja di Pasir Gudang.

"Ketika kejadian, saya dalam perjalanan bersama keluarga untuk pulang bercuti Aidiladha di kampung isteri di Negeri Sembilan.

"Sebaik tiba di sebuah stesen minyak di Muadzam Shah, jam 2.20 pagi (kelmarin), saya menerima panggilan daripada adik-beradik memberitahu Azeem kemalangan dan nazak.

> "Saya membatalkan perjalanan balik ke Negeri Sembilan sebelum ke Hospital Rompin
> — Muhammad Azmin

"Tidak lama kemudian, saya menerima semula panggilan memberitahu Azeem meninggal dunia bersama bayi lelakinya, manakala isterinya terselamat.

"Saya kemudian membatalkan perjalanan balik ke Negeri Sembilan sebelum ke Hospital Rompin," katanya bagi menguruskan mayat arwah berserta bayinya.

Katanya, Farah ada memberitahunya bahawa arwah suaminya bercadang untuk berehat dan tidur di Rompin sebelum meneruskan perjalanan.

"Difahamkan mereka bertolak dari Pasir Gudang jam 10 malam (Selasa) sebelum terbabit kemalangan jam 1.45 pagi tadi (Rabu)," katanya yang menjalankan perniagaan vape bersama arwah adik.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | ANAK TRAUMA KE SEKOLAH | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 30 JUN 2023 | M/SURAT | : | 11 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

# Anak trauma ke sekolah

**Kuala Lumpur:** "Anak saya masih tidak mahu ke sekolah kerana takut dimasukkan lagi dalam tempat (kurungan) itu."

Demikian penjelasan bapa murid tahun satu yang dikurung dalam jeriji besi di sebuah sekolah rendah di Rembau, Negeri Sembilan.

Bapa murid terbabit yang enggan namanya didedahkan memberitahu, pihaknya sudah memohon maaf kepada ibu bapa seorang murid di sekolah sama susulan tindakan anaknya bergurau keterlaluan dengan melondehkan seluar murid terbabit.

"Saya juga sudah mohon maaf kepada ibu bapa murid itu terhadap tindakan anak saya. Mereka enggan memanjangkan isu itu berikutan anak kami memang berkawan baik di luar sekolah. Malah, anak saya memang kuat bergurau.

"Semua pihak sudah saling bermaaf-maafan ketika perjumpaan semalam (kelmarin). Saya dan isteri tidak simpan dalam hati, bagaimanapun saya sudah serahkan segalanya kepada PPD (Pejabat Pendidikan Daerah) untuk siasat," katanya ketika dihubungi Harian Metro, semalam.

Menjelaskan perkara itu, lelaki itu juga tampil memberi penjelasan di Facebook mengatakan perbincangan dibuat antara pihaknya, sekolah, polis dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) pada jam 10.30 pagi di sekolah itu kelmarin.

"Saya dimaklumkan guru kelas, anak saya bergurau dengan menarik seluar kawannya. Bukan anak saya seorang yang melakukannya. Malah, ia turut membabitkan tiga atau empat murid lain. Anak saya tidak mahu hadir ke sekolah akibat trauma dimasuk ke dalam 'penjara' itu," katanya.

Menurutnya, tiada guru yang menunggu anaknya ketika diletakkan bersendirian dalam kurungan itu.

"Perkara itu diakui sendiri guru terbabit ketika dalam perbincangan. Bagaimanapun, cukup setakat ini saja, saya tidak mahu lagi memanjangkan isu ini.

"Semua anak-anak ada di media sosial, mereka membaca dan sedih. Sekarang saya nak perbaiki dulu mental dan emosi anak-anak saya. Lagipun kami sudah bermaafan," katanya.

Sejak Selasa lalu, media sosial kecoh berhubung kisah seorang murid tahun satu dikurung dalam sebuah bilik berpagar besi yang kelihatan seperti penjara.

Tindakan salah seorang guru di sebuah sekolah rendah di Rembau, Negeri Sembilan itu mengundang rasa tidak puas hati ibu bapa murid terbabit berikutan anaknya dikurung.

Hasil siasatan PPD mendapati hukuman pengasingan itu diambil pihak sekolah selepas murid berkenaan mengulangi kesalahan mengganggu rakannya dengan suka melondehkan seluar walaupun sudah diberikan peringatan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | DUA LELAKI BERGASAK REBUT TEMAN WANITA | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 30 JUN 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |


CINTA BERDARAH

# Dua lelaki bergasak rebut teman wanita

Oleh Zuhainy Zulkiffli
am@hmetro.com.my

**Georgetown**

Pergaduhan sekumpulan lelaki di Jalan Pintal Tali berhampiran sebuah kelab malam di sini, semalam yang videonya tular di media sosial, dipercayai berpunca daripada perebutan membabitkan teman wanita.

Berdasarkan rakaman berdurasi satu minit 12 saat itu, kejadian berlaku kira-kira 2.30 pagi yang kemungkinan bermula dengan dua lelaki berebut seorang wanita.

**Belum ada pihak buat laporan setakat kira-kira jam 2 petang**

Video itu turut menunjukkan sekumpulan individu kemudiannya memukul, menumbuk dan memijak seorang lelaki, manakala beberapa individu lain cuba meleraikan pergaduhan.

Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner Soffian Santong ketika dihubungi berkata, sudah dimaklumkan berkenaan video tular itu.

Bagaimanapun katanya, belum ada mana-mana pihak membuat laporan setakat kira-kira jam 2 petang semalam.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | GURU MOHON MAAF | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 30 JUN 2023 | M/SURAT | : | 11 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |



RUANGAN murid tahun satu dikurung.

MURID TAHUN 1 DIKURUNG

# Guru mohon maaf

**Seremban**

Bapa kepada murid tahun satu yang dikurung dalam sebuah ruangan pagar besi seperti yang tular dalam laman sosial telah menerima penjelasan guru terlibat dengan baik dan memaafkannya.

Ketua Polis Daerah Rembau Superintendan Hazri Mohamad berkata satu perjumpaan telah diadakan membabitkan keluarga murid itu, pegawai pendidikan daerah Rembau, pihak sekolah dan polis, 9 pagi kelmarin berhubung isu itu.

Beliau berkata hasil siasatan polis menerusi pegawai perhubungan sekolah mendapati kejadian itu berlaku kira-kira 8.30 pagi 27 Jun di sebuah sekolah di Rembau iaitu guru lelaki berusia 43 tahun mendenda murid itu di ruangan besi kerana masalah disiplin.

"Ruangan terbabit merupakan bilik pameran persatuan pencegahan dadah sekolah. Tiada laporan polis diterima berkaitan kejadian ini setakat ini," katanya.

Hazri menasihatkan orang ramai supaya tidak menyebarkan berita tidak sahih sehingga boleh menggugat ketenteraman awam.

Tular di laman Twitter sejak kelmarin ciapan seorang lelaki mendedahkan perkara itu dan tangkap layar perbualan kumpulan WhatsApp dipercayai antara guru dan ibu bapa serta penjaga pelajar kelas berkenaan.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | JOHOR BELA NASIB 165 KELUARGA DI KAMPUNG HAJAH HASNAH | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 30 JUN 2023 | M/SURAT | : | 16 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Johor bela nasib 165 keluarga di Kampung Hajah Hasnah

**Johor Bahru:** Kerajaan Johor sedang berusaha menyelesaikan masalah penempatan bagi 165 keluarga di Kampung Hajah Hasnah di sini, susulan mereka menerima notis perobohan unit kediaman dan diarahkan mengosongkan rumah tersebut.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri Datuk Mohd Jafni Md Shukor berkata, kesemua ketua isi rumah (KIR) itu dikenal pasti layak dan dalam proses penawaran rumah ganti.

"Sebahagian daripada 165 keluarga ini merupakan penyewa dan bukan penduduk asal Kampung Hajah Hasnah.

"Bagaimanapun, kerajaan negeri berusaha menyelesaikan masalah ini agar tidak ada rakyat Johor yang hilang tempat berteduh tanpa dibela nasibnya," katanya, semalam.

Beliau berkata, 165 keluarga itu adalah sebahagian daripada 253 KIR di Kampung Hajah Hasnah yang menerima notis, dengan baki 54 keluarga sudah mempunyai pemilikan Pangsapuri Lebuh Raya Penyuraian Timur (EDL) di sini, manakala 34 keluarga pula telah memiliki hartanah di tempat lain, penduduk tetap dan bukan warganegara.

Katanya, daripada angka itu, sebanyak 22 unit rumah usang yang tidak berpenghuni atau sudah dikosongkan telah dirobohkan pada Isnin lepas.

Jelas Mohd Jafni, Kampung Hajah Hasnah yang terletak di mukim Plentong itu merupakan antara kawasan setinggan di negeri ini dan sejak 2008, penduduk asal kampung itu telah pun ditawarkan sebanyak 2,720 unit rumah di Pangsapuri EDL.

"Semua penduduk asal telah berpindah ke Pangsapuri EDL, namun atas sebab unit rumah tidak dirobohkan, segelintir penduduk asal yang ditawarkan rumah telah menyewakan rumah setinggan mereka kepada orang lain atau menyerahkan rumah untuk diduduki kepada waris atau ahli keluarga yang lain," katanya.

Beliau berkata, operasi penguatkuasaan itu adalah antara usaha kerajaan negeri membela nasib rakyat agar boleh hidup dalam persekitaran yang lebih bersih dan terhindar daripada kawasan bencana.

"Kampung ini terletak di atas tanah rizab sungai yang jaraknya dari sungai hanya 50 meter sahaja. Ia menyebabkan kampung ini kerap terlibat dengan banjir sekali gus memberi kesan kepada penduduk.

"Selain itu, atas sebab berstatus setinggan, mereka tidak mempunyai sistem pengurusan kumbahan dan kebersihan yang efisien," katanya.

Menurut beliau penguatkuasaan bersepadu itu melibatkan pelbagai agensi termasuk Pejabat Daerah, Pejabat Tanah serta Polis Diraja Malaysia dengan operasi penguatkuasaannya dilaksanakan secara berperingkat berdasarkan keadaan setiap unit yang terlibat.

Selasa lalu, media melaporkan 100 keluarga di kampung itu buntu selepas diarahkan Pejabat Tanah untuk berpindah dan mengosongkan rumah masing-masing dalam masa terdekat bagi memberi laluan kepada projek pembangunan. - Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | NENEK JADI JURULATIH KAWAD | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 30 JUN 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

ASAL ADA MINAT

# Nenek jadi jurulatih kawad

Oleh Nazdy Harun
am@hmetro.com.my

**Kuala Berang**

Walaupun sudah berusia, seorang nenek kepada lapan cucu mampu berkawad dengan baik selain turut ditugaskan sebagai salah seorang jurulatih di Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela).

Rashidah Yusoff, 62, dari Kampung Bakar Batu, Johor Bahru, berkata dia menjadi jurulatih Rela sejak 25 tahun lalu selepas dua tahun menjadi anggota agensi terbabit.

Menurutnya, daripada seorang suri rumah sepenuh masa ketika itu, dia nekad untuk menyertai Rela kerana terlalu minat dengan aktiviti berkawad.

Katanya, dia menyertai Rela pada 1996 dan mengikuti kursus di Pusat Latihan Rela Wilayah Selatan sebelum dipilih untuk mengikuti kursus di Akademi Latihan Rela Malaysia (Alarm) di Melaka.

"Dalam tempoh 10 tahun, saya menjadi jurulatih di Alarm sebelum dipindahkan ke Pusat Latihan Rela Wilayah Timur (PLRWT) dan bertugas sebagai jurulatih sejak 15 tahun lalu.

"Keadaan itu membuatkan dia terpaksa berulang-alik dari Terengganu ke Johor dengan menggunakan perkhidmatan bas ekspres setiap minggu.

"Hanya dua hari saja saya mampu bersama keluarga dan akan kembali ke pusat latihan di Hulu Terengganu untuk menyambung tugas yang mana pusat latihan itu sudah dianggap rumah keduanya," kata ibu kepada lima cahaya mata itu.

Rashidah berkata, selain berkawad dia juga mampu melakukan antaranya aktiviti hutan, *abseiling* dan *flying fox* seperti yang termaktub di dalam silibus kursus yang ditetapkan.

"Kalau ikutkan usia sememangnya nampak berusia, namun semangat saya masih utuh untuk mencurahkan ilmu kepada pegawai dan anggota Rela.

"Saya mengakui ada juga rasa sedikit-sedikit sakit lutut berikutan faktor usia namun saya tidak endahkan sangat.

"Keyakinan dalam diri perlu ada kerana ianya adalah elemen terpenting dalam mencurahkan ilmu dan sepanjang tempoh 25 tahun bergelar jurulatih, ribuan pegawai dan anggota Rela sudah dilatih dengan ilmu yang sepatutnya," katanya.

Katanya, pelbagai reaksi diberikan pelatih apabila mengetahui seorang nenek mengajar mereka berkawat ketika pertama kali menghadiri kursus Rela di pusat berkenaan.

"Kepuasan akan terbit apabila ilmu yang dicurahkan mampu diterima dengan baik oleh pelatih dan diadaptasi dalam tugas seharian mereka," katanya.



RASHIDAH (kanan) menyertai Rela pada 1996 dan mengikuti kursus di Pusat Latihan Rela Wilayah Selatan.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | LEARN FROM OTHER ISLAMIC NATIONS, KELANTAN TOLD | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 30 JUN 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

PERSONAL RIGHTS

# LEARN FROM OTHER ISLAMIC NATIONS, KELANTAN TOLD

## Their tourism sector is thriving, they don't deny rights of people of different faiths, says minister

FUAD NIZAM AND DAWN CHAN
**KUALA LUMPUR**
news@nst.com.my

THE tourism, arts and culture minister has warned of serious consequences for tourism in Kelantan if more women are fined for wearing "indecent" clothes.

Datuk Seri Tiong King Sing, in a Facebook post, said such actions could cause concern and have a massive impact on the local population and tourists.

He was referring to an incident on Sunday, when Kota Baru Municipal Council enforcement officers issued a compound to a 35-year-old woman for indecent dressing in her shop.

The woman, who was wearing a pair of shorts, was found to have breached Section 34 of the municipal council's Business and Industrial Trade By-Laws 2019.

Tiong also advised Pas leaders who govern Kelantan to learn from Muslim countries such as Saudi Arabia, which have developed their tourism sector without denying the rights of people of other faiths.

"I call upon everyone, especially Pas leaders, to learn from Islamic countries such as Saudi Arabia, which are advanced and growing in their tourism sector, without denying the rights of others of different religions.

"I would like to again remind everyone, regardless of party, religion or race, that Malaysia is a country with a multiracial society."

He also quoted articles 3(1) and 8 of the Federal Constitution, which state that non-Muslims are free to practise their respective religions and are protected from discrimination.



*Datuk Seri Tiong King Sing*

Tiong also stressed that he, as a non-Muslim, has never denied or questioned any religion or race in the country.

"As Malaysians who love this country, we must have mutual respect and celebrate our diversity, and uphold the Federal Constitution."

The move by the municipal council had come under fire from various quarters, including a leader from Pas' fellow Perikatan Nasional party, Parti Pribumi Bersatu Malaysia.

Bersatu Legal and Constitution Bureau deputy chairman Sasha Lyna Latif had said the council has no power to regulate clothing or morality.

She had said section 34(2)(b) of the council's by-laws exceeds the powers given to the council by section 102 of the Local Government Act 1976.

"Section 102 permits the council to make by-laws only for 'health, safety and well-being'. No power is granted to regulate clothing or morality."

However, Pas president Tan Sri Abdul Hadi Awang, in a Facebook post on Wednesday, defended the move.

He said non-Muslims must dress modestly to protect their dignity and to be respected by all religions and civilised nations.

"They should not be so liberal that there is no shame like 'senseless animals' and dishonour, which are sweeping Western countries now," said the Marang member of parliament.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'COMBATING HUMAN TRAFFICKING SHARED RESPONSIBILITY' | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 30 JUN 2023 | M/SURAT | : | 11 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |




Riza presents anti-human trafficking paraphernalia to the programme participants.

# 'Combating human trafficking shared responsibility'

**Philip Kiew**

**MIRI:** Fighting the crime of human trafficking and migrant smuggling is a shared responsibility of all parties in the country, said Miri assistant information officer Riza Kasim.

In the briefing session of the Anti-Human Trafficking Council (Mapo) programme held at Kampung Pengkalan Lutong here, he said this calls for the community to be the eyes and ears of the authorities in combating such criminal activities.

The Mapo programme is organised by the Miri District Information Office to raise awareness and provide information on the dangers and effects of the crime of human trafficking and migrant smuggling to the community.

Apart from sharing information about Mapo, the Miri District Information Office also distributes publications issued by the Malaysian Information Department such as pamphlets related to Mapo, Malaysia Madani and other government policies.

About 40 people of Kampung Pengkalan Lutong, Miri attended the briefing.

Also attending was the chief supervisor of Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Kampung Pengkalan Lutong, Elyza Deli.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | DISABLED MAN'S GIFT PAYS OFF THROUGH HANDICRAFT BUSINESS | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 30 JUN 2023 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |



Jaafar at his shop in Felda Tenang, where he produces handcrafted leather products such as belts, purses, bags and card holders. — Bernama photo

# Disabled man's grit pays off through handicraft business

**SEGAMAT:** The perseverance of a disabled man in making handcrafted leather products for a living should serve as an example to others.

Jaafar Athan, 55, who was paralysed after a road accident 30 years ago, ventured into the business in 2010 by investing RM450 to buy basic equipment to make the crafts.

He said he makes belts, purses, bags and card holders, among others, and can earn more than RM2,000 a month from his shop in Felda Tenang here.

"I was in despair for two years after being confirmed with paralysis. Then I started growing pepper, but I had to give up cultivation because I could only move around in a wheelchair to tend the plants.

"Friends encouraged me to work indoors. So, I ventured into this craft after learning it from friends and tutorials on YouTube," he said when met by Bernama at the 'Majestic Johor Durian Retreat' programme here, organised for the media by Tourism Johor.

As the small business gained momentum, he decided to open the Kraf Kulit Jaafar Enterprise in Felda Tenang in 2012 and the gallery has proven to be popular among tourists.

According to him, the handicrafts are made from various types of animal skin, including cow, goat, buffalo and horse hide.

He uses his creativity to fulfil the orders of customers according to their needs and fashion trends.

Due to his persistence and diligence over the past 13 years, Jaafar has won various awards, including the 2018 Tokoh OKU Johor at the state level and third place in the miscellaneous crafts category at the Jauhar Collection Creative Arts Competition.

"I am very grateful to the community, especially in Felda Tenang, and the Johor Tourism Board for making my leather crafts a tourist attraction," he said. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | FATHER AND SON MISSING IN TAWAU JUNGLE | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 30 JUN 2023 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Father and son missing in Tawau jungle

**TAWAU:** Two people, believed to be a father and son, have been reported missing while hunting in a jungle at Borneo Brumas, here.

A spokesperson from the Sabah Fire and Rescue Department (Bomba) said the Tawau fire station received a call from the authority at 8.56am yesterday to assist in a search and rescue operation for the duo, aged 33 and 11.

According to the report, the father and son and six other people had gone into Ladang OP 6 Usahawan Borneo Brumas, Tawau to hunt on June 24.

The group then broke into smaller groups and went their separate way while in the jungle.

When the father and son failed to reunite with the other groups as scheduled, the friends went back into the jungle but failed to locate them.

They then left the jungle and lodged a report at the Tawau police headquarters.

A search and rescue operation is underway for the missing duo, involving Bomba and police personel.



A team maps out the search and rescue operation for the missing duo.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | FATIMAH: TTG FOR HOMELESS IN KUCHING READY IN NEXT 4 MONTHS | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 30 JUN 2023 | M/SURAT : | 01&03 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |




Fatimah (second left) presents sacrificial meat to a representative from Peryatim. Witnessing are Sarawak Breast Cancer Support Group president Datin Juriah Sulehan (left) and state Women and Family Department council member Raja Noor Akmar Raja Kamil.

# Fatimah: TTG for homeless in Kuching ready in next 4 months

**Jude Toyat**

**KUCHING:** The new temporary transit centre (TTG) for the homeless in Kuching is expected to be completed in the next four months, said Minister of Women, Childhood and Community Wellbeing Development Dato Sri Fatimah Abdullah.

According to her, the centre located at Jalan P Ramlee will be able to accommodate 40 homeless persons – 20 men and 20 women.

"This new TTG to cater for the homeless, both men and women in Kuching, is currently in its renovation process which can be completed in four months' time.

"The model we will be using for this TTG is the same model currently being implemented at TTG in Sibu," she told reporters when met after officiating at the 'Majlis Pengagihan Daging Korban Sempena Hari Raya Haji' at the Community Social Support Centre (CSSC) here yesterday.

Fatimah added that the only TTG operating in Sarawak today is in Sibu, which has recorded a very successful outcome.

"If we go to Sibu city now, we can see that the number of homeless people has decreased significantly and there are no more people sleeping on the sidewalk, and if there is any, most probably it's because they are drunk or mentally ill and this has also been taken into consideration. If any member of the public inform us that they have met with such individual wandering around or making them feel uneasy, we will go down to the field and take them for necessary treatment."

Fatimah also informed that the TTG in Sibu is providing good facilities for the homeless, including clean bed as well facility for them to clean themselves and dress in clean clothes donated by concerned citizens.

> Turn to Page 3, Col 5

## Fatimah: Ministry working to set up more TTGs in Sarawak

> From Page 1

"We also go further, by providing them with trainings and counselling services.

"The homeless at TTG are not only given a safe place to stay but also provided with courses focusing on income generating skills including sewing, weaving, gardening and fish farming so they can finally become independent. They are also taught by trainers there on how to read and write.

"We also do job matching and we have quite a number of those who have successfully got a job such as taking care of public toilets and working at coffee shops, carwash, as well as becoming security guards," she said.

Some of the homeless have also been reconnected with their families, added Fatimah.

"Some of them become homeless when there is problem with their family and they leave their house and are willing to sleep on the sidewalk. So we also informed their family to bring them back home.

"At the end of the day, it is about placing them back into the community and with the skills that they have acquired during their stay at the TTG, we hope they can become independent and contribute back to their families and community," she said.

"So, with the same modus operandi, we will establish a TTG in Kuching as the number of homeless individuals in Kuching is also quite substantial.

"We are also working together with NGOs to establish more TTGs, as well as community social support centres, in major cities in Sarawak, including Bintulu and Miri," she added.

At the event, Fatimah distributed meat of 10 sacrificial cows donated by the community from Desa Guru in conjunction with the Hari Raya Aidiladha which fell yesterday.

The meat was then distributed to various NGOs including Kompleks Kebajikan Laila Taib (Peryatim), Pusat Jagaan Nur Murni, Laman Kaseh, and Pertubuhan Kebajikan Baiturrahmah Kuching, as well as those from underprivileged families and single mothers.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PARLIAMENT MUST PROTECT CHILDREN AND REGUGEES | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 30 JUN 2023 | M/SURAT | : | 09 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Parliament must protect children and refugees




IN commemorating World Refugee Day, I recall last month's roundtable organised by the All Party Parliamentary Group Malaysia (APPGM) on Refugee Policy through its secretariat, the Geutanyoe Foundation.

It was my first time meeting the new chairman of the group – the MP for Bukit Bendera Syerleena Abdul Rashid – and her introductory speech gave me confidence that she and her fellow MPs from both sides of the aisle would make important policy contributions.

